

31 OCT 2003

Abdullah-Terima

ABDULLAH AMBIL ALIH TUGAS PERDANA MENTERI DARIPADA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 31 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini secara rasmi mengambil alih tugas sebagai Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, yang berundur daripada jawatan yang disandanginya itu selama 22 tahun.

Upacara penyerahan tugas itu berlangsung di Tingkat 5, Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra berkubah hijau yang menjadi mercu tanda Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Terdahulu, Abdullah yang akan berusia 64 tahun bulan depan, mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara sebelum ke Putrajaya.

Dalam upacara itu, Dr Mahathir menyerahkan fail meja sebagai tanda penyerahan tugas dan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri kepada Abdullah sambil disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman.

Selepas acara serah tugas itu, Abdullah mengadakan pertemuan tertutup dengan Dr Mahathir.

Ketika kedua-dua bertemu, menteri-menteri kabinet dan pegawai-pegawai kanan kerajaan menunggu di ruang legar bersama-sama puluhan petugas media tempatan dan asing.

Ribuan rakyat, sebahagian besarnya kakitangan kementerian-kementerian di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini, pula berhimpun di luar perkarangan Bangunan Perdana Menteri untuk mengucapkan selamat bersara dan selamat sejahtera kepada Dr Mahathir.

Abdullah yang dilahirkan di Pulau Pinang pada 26 Nov 1939, dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 8 Jan 1999, yang seperti hari ini, merupakan hari Jumaat di bulan Ramadan.

Dr Mahathir kemudian turun ke ruang legar untuk merakamkan waktu keluar pejabat buat kali terakhir pada pukul 5.07 petang, sambil disaksikan anggota pentadbiran Jabatan Perdana Menteri.

Abdullah turut menyertai ratusan pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri menghantar Dr Mahathir dan isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali ke kereta untuk pulang.

Sepanjang perjalanan menuju ke keretanya yang mengambil masa kira-kira 20 minit, Dr Mahathir tidak menghampakan mereka yang ingin bersalaman dengannya.

Detik-detik terakhir Dr Mahathir keluar dari Bangunan Perdana Putra dirakamkan oleh ratusan jurugambar dan jurukamera televisyen yang membuat liputan.

Selepas Dr Mahathir pulang, Abdullah turut melambaikan tangannya kepada orang ramai sebelum menaiki kereta untuk pulang.

-- BERNAMA

JM MAM HS MAI